

Ibrahim juga meriwayatkannya (hadits ini) daripada Musa bin `Uqbah daripada Shafwan bin Sulaim daripada `Athaa' bin Yasaar daripada Abi Hurairah daripada Nabi s.a.w, sabdanya: “Ketika Ayub a.s sedang mandi dengan bertelanjang ...(hingga ke akhir hadits).

٢١ - بَابُ السَّرِّ فِي الْغُسْلِ عِنْدَ النَّاسِ

21- Bab: Memakai Tabir Ketika Mandi Dekat Orang Ramai.²⁰⁷

٢٧١ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ بْنُ قَعْنَبٍ عَنْ مَالِكٍ عَنْ أَبِي النَّضْرِ مَوْلَى عُمَرَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّ أَبَا مَرْثَةَ مَوْلَى أُمِّ هَانِئِ بْنِتِ أَبِي طَالِبٍ أَخْبَرَهُ أَنَّهُ سَمِعَ أُمَّ هَانِئِ بْنِتِ أَبِي طَالِبٍ تَقُولُ دَهَبْتُ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَامَ الْفَتْحِ فَوَجَدْتُهُ يَغْتَسِلُ وَفَاطِمَةُ تُسَرُّهُ فَقَالَ مَنْ هَذِهِ فَقُلْتُ أَنَا أُمُّ هَانِئٍ

271 – `Abdullah bin Maslamah bin Qa`nab meriwayatkan kepada kami daripada Malik daripada Abi An-Nadhar hamba bebasan `Umar bin `Ubaidillah bahawa Aba Murrah hamba bebasan Ummi Hani' binti Abi Talib meriwayatkan kepadanya bahawa dia mendengar Umma Hani' binti Abi Talib berkata: “Aku pergi kepada Rasulullah s.a.w pada tahun pembukaan Mekah. Aku dapati beliau sedang mandi dengan ditabiri Fathimah.²⁰⁸ Baginda bertanya: “Siapa itu?”. Aku menjawab: “Saya Ummu Hani’.”

٢٧٢ - حَدَّثَنَا عَبْدَانُ قَالَ أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ قَالَ أَخْبَرَنَا سُهَيْلَانُ عَنِ الْأَعْمَشِ عَنْ سَالِمِ بْنِ أَبِي الْجَعْدِ عَنْ كُرَيْبٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ عَنْ مَيْمُونَةَ قَالَتْ سَرَرْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يَغْتَسِلُ مِنَ الْجَنَابَةِ فَعَسَلَ يَدَيْهِ ثُمَّ صَبَّ يَمِينِهِ عَلَى شِمَالِهِ فَعَسَلَ فَرْجَهُ وَمَا أَصَابَهُ ثُمَّ مَسَحَ يَدَيْهِ عَلَى الْحَائِطِ أَوْ الْأَرْضِ ثُمَّ تَوَضَّأَ وَضُوءَهُ لِلصَّلَاةِ غَيْرَ رَجُلِيهِ ثُمَّ أَفَاضَ عَلَى جَسَدِهِ الْمَاءَ ثُمَّ تَنَحَّى فَعَسَلَ قَدَمَيْهِ تَابَعَهُ أَبُو عَوَانَةَ وَأَبْنُ فَضِيلٍ فِي السَّرِّ

²⁰⁷ Bab sebelum ini menyatakan keharusan mandi dengan bertelanjang sendirian di tempat sunyi. Bab ini pula menyatakan kewajiban menutup `aurat ketika mandi di hadapan orang. Malah bagi Imam Bukhari berdasarkan dua hadits yang dikemukakan di bawah tajuk ini adalah lebih baik jika seseorang yang mandi di hadapan orang ramai itu memakai tabir selain memakai kain yang menutupi `auratnya.

²⁰⁸ Antara pengajaran yang dapat diambil daripada hadits ini ialah (1) Kewajiban menutup `aurat ketika mandi di hadapan orang. Memakai tabir selain memakai kain yang menutupi `aurat ketika mandi di hadapan orang adalah terlebih baik. (2) Tidak harus seseorang mendedahkan `auratnya kepada sesiapa pun tanpa ada keperluan. Demikian juga tidak harus dia melihat `aurat orang lain tanpa sebarang keperluan. (3) Dalam keadaan menutup `aurat, seseorang boleh mandi di hadapan mahramnya. (4) Para `ulama' sepakat mengatakan harus bagi suami melihat `aurat isterinya. Demikian juga sebaliknya. Keharusan ini adalah berdasarkan kepada hadits sahih daripada Nabi s.a.w yang bermaksud: “Jagalah kemaluanmu kecuali terhadap isteri atau hamba sahaya perempuanmu.”

272 - `Abdan meriwayatkan kepada kami, katanya: ``Abdullah meriwayatkan kepada kami, katanya: Sufyan meriwayatkan kepada kami daripada Al-A`masy daripada Salim bin Abi Al-Ja`ad daripada Kuraib daripada Ibnu `Abbaas daripada Maimunah, katanya: “Aku menabiri Rasulullah s.a.w ketika beliau mandi junub. (Mula-mula sekali) Beliau membasuh kedua-dua tangannya. Kemudian menuangkan air dengan tangan kanan ke atas tangan kirinya lalu dibasuhnya kemaluannya dan apa-apa yang mengenainya. Setelah itu Baginda s.a.w menyapu tangannya di dinding atau di tanah. Kemudian berwudhu’ sebagaimana wudhu’nya untuk bersembahyang kecuali kakinya (tidak dibasuh). Selepas melakukan semua yang tersebut tadi barulah beliau meratakan air ke (seluruh) badannya dan akhir sekali Baginda berganjak (sedikit dari tempat mandinya) lalu membasuh kedua kakinya.”

Abu `Awanah dan Ibnu Fudhail telah menjadi mutaabi` kepadanya dalam menyebuntukan lafaz “Aku menabiri Rasulullah s.a.w...”²⁰⁹

٢٢ - بَابُ إِذَا احْتَلَمَتِ الْمَرْأَةُ

22- Bab: Apabila Wanita Bermimpi Bersetubuh.²¹⁰

٢٧٣ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُسُفَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ هِشَامِ بْنِ غُرُوةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ زَيْنَبِ بِنْتِ أَبِي سَلَمَةَ عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ أَنَّهَا قَالَتْ جَاءَتْ أُمُّ سَلِيمٍ امْرَأَةُ أَبِي طَلْحَةَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْخِيْبِي مِنَ الْحَقِّ هَلْ عَلَى الْمَرْأَةِ مِنْ غُسْلٍ إِذَا هِيَ احْتَلَمَتْ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَعَمْ إِذَا رَأَتْ الْمَاءَ

273 - `Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepada kami daripada Hisyam bin `Urwah daripada ayahnya daripada Zainab binti Abi Salamah

²⁰⁹ Maksudnya Abu `Awanah Al-Waddhaah Al-Yasykuri dan Muhammad bin Fudhail bin Ghazwan telah menjadi mutabi` kepada sufyan dalam meriwayatkan hadits ini daripada Al-A`masy di mana semua mereka ada menyebutkan lafaz “Aku menabiri Rasulullah s.a.w...”. Hadits Abu `Awanah telah dikemukakan sendiri oleh Imam Bukhari di dalam ... باب من أفرغ يمينه ... iaitu bab ke 10 Kitab Mandi, hadits no.257. Hadits Muhammad bin Fudhail bin Ghazwan pula tersebut secara mausul (bersambung sanadnya) di dalam Sahih Abi `Awanah Al-Isfiraini.

²¹⁰ Ibnu Batthaal berkata: “Tidak ada khilaf di antara para `ulama’ tentang kewajipan mandi janabah kepada perempuan yang berihtilam jika ia dapat mengesan air maninya terkeluar. Hukum untuk mereka sama seperti untuk lelaki dalam perkara ini.” Menurut Hafiz Ibnu Hajar sebabnya Imam Bukhari mengaitkan mimpi bersetubuh dengan perempuan di dalam tajuk bab ini padahal hukum lelaki juga sama ialah supaya sesuai dengan apa yang ditanya oleh Ummu Sulaim. Selain itu beliau juga secara halus mahu menolak pendapat Ibrahim An-Nakha’i tentang perempuan yang berihtilam walaupun terkeluar air mani, tidak perlu mandi janabah.

daripada Ummi Salamah Ummil Mu'minin, sesungguhnya dia bercerita, katanya: "Ummu Sulaim isteri Abu Thalhah pernah datang kepada Rasulullah s.a.w lalu berkata: "Wahai Rasulullah! Sesungguhnya Allah tidak malu menyatakan kebenaran. Adakah seseorang wanita yang bermimpi bersetubuh itu perlu mandi?" Rasulullah s.a.w menjawab: "Ya, kalau dia nampak air maninya (sama ada pada tubuh atau kainnya)."²¹¹

٢٣ - باب عَرَقِ الْجُنُبِ وَأَنَّ الْمُسْلِمَ لَا يَنْجُسُ

23 - Bab: Peluh Orang Yang Berjunub Dan Sesungguhnya Orang Muslim Itu Tidak Najis.²¹²

٢٧٤ - حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى قَالَ حَدَّثَنَا حُمَيْدٌ قَالَ حَدَّثَنَا بَكْرٌ عَنْ أَبِي رَافِعٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَقِيَهِ فِي بَعْضِ طَرِيقِ الْمَدِينَةِ وَهُوَ جُنُبٌ فَاتَّحَسَّنْتُ مِنْهُ فَذَهَبْتُ فَأَغْسَلْتُ ثُمَّ جَاءَ فَقَالَ أَيْنَ كُنْتَ يَا أَبَا هُرَيْرَةَ قَالَ كُنْتُ جُنُبًا فَكَرِهْتُ أَنْ أَجَالِسَكَ وَأَنَا عَلَى غَيْرِ طَهَارَةٍ فَقَالَ سُبْحَانَ اللَّهِ إِنَّ الْمُسْلِمَ لَا يَنْجُسُ

274 - 'Ali bin 'Abdillah meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya meriwayatkan kepada kami, katanya: Humaid meriwayatkan kepada kami, katanya: Bakr meriwayatkan kepada kami daripada Abi Raafi' daripada Abi Hurairah: "Bahawa pernah Nabi s.a.w bertemu dengannya di salah satu jalan di Madinah ketika dia dalam keadaan berjunub. (Kata Abu Hurairah) Aku pun menyelinap keluar lalu pergi mandi. Setelah itu datang lagi. Maka Rasulullah s.a.w bertanya: "Ke mana kamu tadi wahai Aba Hurairah?". Jawab Abu Hurairah:

²¹¹ Hadits ini jelas menunjukkan bahawa perempuan juga mempunyai air mani seperti lelaki. Inilah yang disepakati oleh para fuqaha', muhadditsin dan kebanyakan thabib. Tetapi Aristotle berpendapat perempuan tidak mempunyai air mani. Walaubagaimanapun darah haidh yang ada pada mereka itu mempunyai daya untuk hamil dan seterusnya melahirkan anak. Menurut Ibnu Sina perempuan mempunyai cecair yang menyerupai air mani tetapi tidak tepat untuk dikatakan ia adalah benar-benar air mani. Antara panduan yang dapat diambil dari hadits ini ialah (1) Seseorang yang tidak mengetahui tentang sesuatu perkara berhubung dengan agamanya mestilah bertanya orang-orang yang tahu. Sikap suka bertanya tentang perkara agama itu adalah sesuatu yang terpuji. (2) Perasaan malu tidak sepatutnya menjadi penghalang kepada seseorang perempuan untuk bertanya tentang urusan agamanya. (3) Beradab ketika bertanya. (4) Rasulullah s.a.w bertanggungjawab menyampaikan agama kepada kedua-dua jenis manusia lelaki dan perempuan.

²¹² Ahli ilmu telah bersepakat mengatakan peluh orang Islam yang berjunub itu suci tidak najis. Demikian juga dengan peluh perempuan Islam yang berhaidh. Tetapi mereka berbeza pendapat tentang orang kafir dan peluhnya. Ibnu Hazam berpendapat peluh orang musyrikin najis. Golongan Zahiriyah selain Ibnu Hazam berpendapat tubuh orang kafir itu sendiri adalah najis, demikian juga dengan peluhnya. Sementara pendapat Imam Bukhari, Abu Hanifah, Malik, Syafi'e dan jumhur 'ulama dari kalangan Salaf dan Khalaf pula ialah tubuh orang kafir, begitu juga peluhnya tidak najis. Antara hujjah jumhur 'ulama' dalam perkara ini ialah orang Islam diharuskan berkahwin dengan perempuan dari kalangan Ahli Kitab. Dalam hubungan kelamin sebagai suami isteri sudah tentu akan ada yang berpeluh. Kalaulah peluh orang kafir itu najis sudah tentu Allah dan RasulNya awal-awal lagi mengharamkan orang Islam mengahwini Ahli Kitab.

“Tadi aku dalam keadaan berjunub dan aku tidak suka berada di dalam majlisimu dalam keadaan tidak suci”. (Mendengar jawapan Abu Hurairah itu) Nabi s.a.w terus bersabda: “Subhanallah! Sesungguhnya orang muslim itu tidak najis.”²¹³

٢٤ - باب الْجُنُبُ يَخْرُجُ وَيَمْشِي فِي السُّوقِ وَغَيْرِهِ وَقَالَ عَطَاءٌ يَحْتَجِمُ الْجُنُبُ وَيَقْلَمُ أَظْفَارَهُ وَيَخْلُقُ رَأْسَهُ وَإِنْ لَمْ يَوْضَأْ

24 - Bab: Orang Berjunub Boleh Keluar Dan Berjalan Di Pasar Dan Selainnya. 'Athaa' Berkata: Orang Berjunub Boleh Berbekam, Memotong Kuku Dan Mencukur Kepala Walaupun Dia Tidak Berwudhu'.²¹⁴

٢٧٥ - حَدَّثَنَا عَبْدُ الْأَعْلَى بْنُ حَمَّادٍ قَالَ حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ زُرَيْعٍ قَالَ حَدَّثَنَا سَعِيدٌ عَنْ قَتَادَةَ أَنَّ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ حَدَّثَهُمْ أَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَطُوفُ عَلَى نِسَائِهِ فِي اللَّيْلَةِ الْوَاحِدَةِ وَلَهُ يَوْمٌ تَسْعُ نِسْوَةٌ

275 - Abdul A'la bin Hammad meriwayatkan kepada kami, katanya: Yazid bin Zurai' meriwayatkan kepada kami, katanya: Sa'id meriwayatkan kepada kami daripada Qataadah bahawa Anas bin Malik meriwayatkan kepada mereka: “Sesungguhnya Nabi s.a.w pernah

²¹³ Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil dari hadits ini ialah (1) Orang muslim itu tidak najis sama ada semasa hayatnya atau selepas matinya. (2) Peluh orang Islam, sisanya, air ludahnya dan air matanya juga tidak najis. (3) Termasuk antara adab murid dengan guru dan pengikut dengan ketua ialah tampil di hadapannya dalam keadaan bersih dan kemas. (3) Termasuk antara disiplin orang 'alim ialah menegur kesilapan yang dilakukan oleh muridnya dan menjelaskan kepadanya apa yang sebenarnya. (4) Harus seseorang melewati waktu mandi janabah daripada waktu permulaan wajibnya, asalkan tidak terlepas waktu sembahyang. (5) Orang berjunub harus pergi ke mana-mana tempat yang dikehendakinya sebelum mandi janabah, asalkan tidak terlepas waktu sembahyang daripadanya. (6) Hukum najis hukmi berbeza daripada hukum najis 'aini. (7) Seseorang ketua hendaklah bermesra dengan anak buahnya di samping mengambil berat tentangnya.

²¹⁴ Ada beberapa maksud Imam Bukhari mengemukakan bab ini, antaranya ialah (1) Untuk menyatakan bahawa orang berjunub tidak menjadi najis dengan sebab janabahnya. (2) Orang berjunub tidak perlu segera mandi. Ia boleh melakukan apa saja perkara yang hendak dilakukannya dan boleh pergi ke mana saja yang dikehendakinya selagi ia tidak terdesak melakukan sesuatu yang menghendakinya mengangkat hadats besar seperti sembahyang dan lain-lain. (3) Orang berjunub juga tidak perlu terlebih dahulu berwudhu' sebelum makan, minum, bersetubuh, tidur, berjalan, berbekam, mengerat kuku, mencukur kepala dan lain-lain. (4) Beliau mahu menyangkal pendapat segelintir 'ulama' Salaf dari kalangan sahabat dan tabi'in yang mengatakan seseorang yang hendak melakukan perkara-perkara tersebut tadi perlu terlebih dahulu berwudhu'. (5) Dengan mengemukakan atsar 'Athaa' beliau sebenarnya mahu menolak pendapat Hasan Bashri dan orang-orang yang sependapat dengannya yang mengatakan orang berjunub jika tidak terlebih dahulu berwudhu' sebelum mencukur rambut, mengerat kuku atau berbekam dan sebagainya, sesungguhnya ia telah memisahkan sebahagian daripada anggotanya yang berjunub. (6) Pendapat yang dipilih beliau dalam soal ini sebenarnya adalah pendapat jumhur 'ulama' mujtahidin seperti Malik, Abu Hanifah, Sufyan Ats-Tsauri, As-Syafi'e, Al-Auzaa'i, Ahmad, Ishaq dan lain-lain.